



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2016/01/10 (HQ)

### **PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Kehidupan Puan Lipah Osman kini lebih selesa, setelah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membaik pulih kediamannya di Kampung Pandan, Kuala Lumpur menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Puan Lipah Osman, 74, tidak bekerja dan merupakan ibu tunggal. Lipah Osman tinggal bersama dua orang anak. Anak lelakinya tidak mempunyai kerja yang tetap manakala anak perempuan tidak bekerja.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih lengkap dengan dua (2) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air dan elektrik

Rumah Puan Lipah Osman yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Timbalan Menteri Kewangan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani.

Naib Presiden (Pembahagian) TNB, Datuk Ir. Baharin Din dalam ucapannya berkata projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Klang Gate, Hulu Kelang dan di Kampung Melayu Batu Caves.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 Januari 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Marina Mohd Nasir (019-6677648) /  
Encik Amiza Mohd Aris (019-2136320)*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)